

08 AUG 1996  
Kemboja-Malaysia  
KEMBOJA PANDANG TINGGI MALAYSIA

Oleh: Mohd Nasir Yusof

PHNOM PENH, 8 Ogos (Bernama) -- Kemboja memandang tinggi kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan berhasrat mencontohi Malaysia yang mereka anggap sebagai model untuk diteladani.

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib berkata sanjungan itu dinyatakan kepadanya oleh kedua-dua Perdana Menteri Kemboja pada perjumpaan tertutup berasingan apabila beliau melakukan kunjungan hormat lewat petang semalam dalam rangka lawatan kerja tiga hari ke negara ini.

"Kedua-dua Putera Norodom Ranariddh dan juga Samdech Hun Sen amat menyanjungi Perdana Menteri kita," katanya kepada pemberita selepas mengadakan dialog dengan pemimpin masyarakat Islam di Kemboja di Hotel Sofitel Cambodiana di sini, malam tadi.

Muhammad mengadakan perjumpaan dengan Putera Ranariddh di kediaman rasmi beliau di Norodom Preah di tengah-tengah ibu negara Kemboja ini selama 45 minit dan kemudiannya menemui Hun Sen di kediamannya di Takhmao di pinggir Phnom Penh, selama 45 minit.

Beliau berkata kedua-dua pemimpin Kemboja itu juga berpendapat amalan demokrasi ala Malaysia, yang menyesuaikan prinsip demokrasi dengan keadaan dan keperluan negara, menarik untuk dicontohi Kemboja.

Muhammad berkata dengan kerjasama negara-negara sahabat seperti Malaysia, Kemboja berhasrat untuk turut maju dan membangun seperti negara-negara Asean yang lain.

Katanya, Kemboja juga berpendapat kemasukan mereka ke dalam Asean kelak akan membolehkan mereka berkongsi kemakmuran rantau ini.

Sementara itu, ketika berdialog dengan pemimpin Islam Kemboja, beliau berkata umat Islam Kemboja tidak boleh memisahkan diri daripada arus pembangunan utama negara mereka kerana mereka yang berjumlah kira-kira 600,000 orang daripada sejumlah enam juta rakyat, mempunyai peranan yang tidak kurang pentingnya.

Beliau berkata umat Islam di Malaysia, khususnya Selangor sedia memberikan kerjasama kepada mereka untuk meningkatkan ilmu pengetahuan yang merupakan kunci kepada kemajuan sama ada dalam bidang ekonomi mahu pun sosial.

"Umat Islam Kemboja mesti memastikan anak-anak dihantar ke sekolah kebangsaan Kemboja di samping berikhtiar juga untuk memberikan pendidikan agama kepada mereka," katanya sambil menasihati mereka mengetepikan kebimbangan kononnya anak-anak mereka kelak akan mengabaikan agama.

Sementara itu, usaha dan hasrat Malaysia untuk berkongsi kemakmuran dengan negara-negara di rantau Asean terbukti apabila satu lagi memorandum persefahaman ditandatangani ke arah itu antara badan-badan bukan kerajaan dari Selangor dan Kemboja.

Malam tadi, Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) menandatangani persefahaman dengan Jawatankuasa Pembangunan dan Membaikpulih Sekolah Agama Kilometer 9, Route 5 di sini bagi membolehkan pelajar sekolah agama itu melanjutkan pelajaran di Pusat Latihan YBK di Selangor.

Muhammad, yang juga penaung YBK, menyaksikan majlis itu. YBK diwakili Pengerusinya Datuk Haji Zainal Abidin Sakom dan jawatankuasa itu oleh Pengerusinya Encik Math Ly (rpt...Math Ly) yang juga Anggota Parlimen Kemboja.

Beliau berkata dalam rangka kerjasama menerusi Sekretariat Melayu Antarabangsa (SMA) itu, YBK akan membiayai 10 hingga 12 pelajar Islam

Kemboja, mengikuti kursus-kursus kemahiran di pusat latihannya.

Muhammad berkata mereka akan pulang untuk berkhidmat di negara ini selepas tamat belajar kelak. -- BERNAMA

MNY OBA